



## KENYATAAN MEDIA

### PERMOHONAN PENYERTAAN PERTANDINGAN RANCANGAN PERNIAGAAN BERNILAI RM15 JUTA - RBC 2.0 DILANJUTKAN SEBULAN

**KOTA SAMARAHAN, 1 FEBRUARI** – Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, KKD melanjutkan tempoh penyertaan Pertandingan Rural Business Challenge 2.0 (RBC 2.0) dalam usaha menggalakkan usahawan belia desa menyertai program yang menawarkan geran perniagaan berjumlah RM15 juta.

Lanjutan tarikh tutup permohonan RBC 2.0 daripada 31 Januari 2024 kepada 29 Februari 2024 ini, turut memberikan peluang kepada lebih ramai usahawan belia desa merentasi negeri untuk memohon seterusnya bersaing secara sihat dalam program ini.

Menurut Timbalan Menteri KKD Datuk Hajah Rubiah Haji Wang, setakat ini seramai 1,150 usahawan telah mengemukakan permohonan daripada 5,917 jumlah akaun yang telah berdaftar dalam Sistem RBC 2.0 sehingga 29 Januari 2024.

Namun, menurut beliau masih terdapat beberapa buah negeri dengan jumlah bilangan permohonan di bawah paras sasaran yang diharapkan.

“Dengan lanjutan selama sebulan ini, Kementerian menjangkakan lebih banyak permohonan akan diterima daripada usahawan belia desa berpotensi yang boleh dinilai seterusnya mengenalpasti pemenang-pemenang yang berkualiti.”

Tambah beliau, kali terakhir program RBC dilaksanakan adalah pada tahun 2017. Ia diberi nafas baru tahun ini dengan beberapa penambahbaikan yang dikenali sebagai RBC 2.0, bagaimanapun, ia

masih mengekalkan konsep asal iaitu program pengembangan perniagaan melalui penganjuran pertandingan penyediaan rancangan perniagaan.

KKDW mengharapkan permohonan penyertaan Pertandingan RBC 2.0 sebanyak mungkin oleh usahawan belia desa yang berpotensi dari seluruh Malaysia bagi merealisasikan idea beras yang diterjemahkan kepada satu pelan perniagaan yang berdaya maju selain mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan kepada penduduk tempatan luar bandar.

RBC 2.0 menawarkan hadiah berbentuk geran yang keseluruhannya berjumlah RM 15 juta. Ia juga adalah salah satu usaha Kerajaan untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan seterusnya mentransformasikan luar bandar sejajar dengan konsep "Maju, Menarik dan Menguntungkan" dalam membangunkan sosioekonomi masyarakat luar bandar.

Usahawan belia desa yang berpotensi dan berminat digalakkan untuk mengemukakan permohonan penyertaan bagi pertandingan RBC 2.0 di laman [www.rbc2u.com](http://www.rbc2u.com).

Datuk Rubiah berkata demikian ketika meninjau Mini Karnival Usahawan Desa @ Kota Samarahan di Halaman Samarahan yang dijangka menerima kira-kira 30 ribu pengunjung dengan sasaran transaksi jualan berjumlah RM300 ribu sepanjang empat hari penganjurannya.

Lebih 100 usahawan luar bandar yang terlibat adalah dalam kategori makanan dan minuman, pakaian, kecantikan dan kesihatan, kraftangan dan produk pertanian.

MiniKUD@ Kota Samarahan juga melibatkan pameran KKDW dan agensi yang memfokuskan kepada keusahawanan, pendidikan,

TVET@KKDW dan penawaran kemudahan pembiayaan perniagaan.

Bagi memeriahkan karnival ini pelbagai aktiviti menarik menanti pengunjung antaranya mini planetarium, petting zoo, pertandingan E-Sport, Bazar Rakyat Peduli Prihatin FELCRA, Pesta makan lemang, Pertandingan Tarian Nopeng, Pertandingan Kicauan Burung, Maraton Poco-Poco (kategori penyertaan teramai) bagi memecahkan Malaysia Book of Records, Fun Run, Fun Ride, Servis basikal, motosikal, penghawa dingin kereta, coating lampu percuma, Ceramah Perdana dan Persembahan Artis Jemputan.

-TAMAT-

**Disediakan Oleh:**  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah**  
**1 Februari 2024**